



JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Blok A, Tingkat 8 - 11,
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 Kota Kinabalu, Sabah



Tel.: 088-368397 Faks: 088-211392 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS: 100-4/10 JLD(3)/ (2 |)

Tarikh : 20 April 2018

Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri

Semua Ketua Jabatan Negeri

Semua Ketua Badan-badan Berkanun Negeri

Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Mayor Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Semua Presiden Majlis Perbandaran

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah , Pejabat Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

PEKELILING JABATAN BENDAHARI SABAH BIL.4 TAHUN 2018 PERUBAHAN STRUKTUR KOD SUBSIDIARI AKAUN PENDAHULUAN DIRI(K52)

1. TUJUAN

- 1.1 Surat pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan tentang perubahan struktur Kod Subsidiari Pendahuluan Diri(K52).
- 1.2 Perubahan ini perlu dilaksanakan untuk menambahbaik penyediaan Lejar Subsidiari Pendahuluan Diri dalam persediaan melaksanakan Perakaunan Akrua.



PEKELILING JABATAN BENDAHARI SABAH BIL.4 TAHUN 2018
BERTARIKH 20 APRIL 2018

2. LATAR BELAKANG

2.1 Struktur Kod Subsidiari Akaun Pendahuluan Diri (K52) yang sedang digunakan pada masa ini disediakan dengan menggunakan **Kod Objek (5 digit)** dalam Struktur Kod Sistem Perakaunan Negeri seperti yang berikut:-

Struktur Kod Subsidiari menggunakan Kod Objek(5 Digit)

Vot (Kepala)	Jabatan	PTJ/PK/PPH	Program Aktiviti/Amanah	Projek /Setia	Objek
xxx	xxx	xxxxxxx	xxxxxxx	xxxxxxxxx	xxxxxx
3-digit	3 digit	6-digit	6-digit	8-digit	5-digit
K52	000	000000	520000	00000000	10001

2.2 Digit pertama (1)0000 di Kod Objek merujuk kepada **jenis Pendahuluan Diri**. Digit 0000(1) diujung Kod Objek merujuk kepada **Kod Subsidiari** dan digunakan sebagai **nombor akaun peminjam Pendahuluan Diri(K52)** seperti yang berikut:-

Bil	Jenis Pendahuluan Diri	Kod	Kod Subsidiari Pendahuluan Diri
01	Gaji	751	K52 000 000000 520000 00000000 10001
02	Gaji/Elaun Terlebih dibayar	752	
03	Kehilangan Wang Tunai	756	
04	Panjar yang belum diselesaikan/Surcaj	757	
05	Perjalanan Rasmi	754	K52 000 000000 520000 00000000 20001
06	Lain-lain- AP 54	758	K52 000 000000 520000 00000000 30001
	- AP 55 Perbelanjaan Darurat		K52 000 000000 520000 00000000 40001

PEKELILING JABATAN BENDAHARI SABAH BIL.4 TAHUN 2018
BERTARIKH 20 APRIL 2018

2.3 Untuk menambah baik Sistem Lejar Subsidiari Pendahuluan Diri dan penyeragaman penggunaan Kod Projek/Setia sebagai Kod Subsidiari dalam perakaunan Akruan, struktur Kod Subsidiari Akaun Pendahuluan Diri (K52) perlu diubah dengan menggunakan **Kod Projek/Setia(8 Digit) sebagai Kod Subsidiari dan Kod Objek sebagai indikator jenis Perbelanjaan Pendahuluan Diri.**

3. STRUKTUR KOD SUBSIDIARI PENDAHULUAN DIRI (K52) MENGGUNAKAN KOD PROJEK/SETIA(8 DIGIT) SEBAGAI KOD SUBSDIARI DAN KOD OBJEK SEBAGAI JENIS PERBELANJAAN PENDAHULUAN DIRI

3.1 Struktur Kod Subsidiari Pendahuluan Diri(K52) menggunakan **Kod Projek/Setia** sebagai Kod Subsidiari dan **Kod Objek** sebagai jenis perbelanjaan Pendahuluan Diri adalah seperti yang berikut:-

Vot (Kepala)	Jabatan	PTJ/PK/PPH	Program Aktiviti/Amanah	Projek /Setia	Objek
K52	000	000000	520000	10000001	00000

4. PANDUAN PENGGUNAAN STRUKTUR KOD SUBSIDIARI PENDAHULUAN DIRI (K52) MENGGUNAKAN KOD PROJEK/SETIA (8 DIGIT)

4.1 Digit pertama (1) di **Kod Projek/Setia** -(1)0000000 digunakan sebagai penentu jenis Pendahuluan Diri (K52).

4.2 Digit (1) diujung **Kod Projek/Setia** 10000000(1) digunakan sebagai Kod Subsidiari Pendahuluan Diri(K52). Kod ini akan menjadi nombor akaun kepada peminjam dan kekal walaupun peminjam berpindah jabatan.

PEKELILING JABATAN BENDAHARI SABAH BIL.4 TAHUN 2018
BERTARIKH 20 APRIL 2018

- 4.2 **Kod Objek** adalah merujuk kepada jenis perbelanjaan perbekalan dan tanggungan. Kod ini terdapat di **Buku Panduan penggunaan Struktur Kod Akaun Dalam Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri Sabah.**

4. JENIS PENDAHULUAN DIRI(K52)

Untuk tujuan penyediaan Kod Subsidiari Pendahuluan Diri(K52) yang baharu , Jabatan Bendahari Negeri telah mengkategorikan empat Jenis Pendahuluan Diri seperti yang berikut :-

Bil	Jenis Pendahuluan Diri	Kod Subsidiari Pendahuluan Diri	Objek
01	Pendahuluan Diri atas nama individu	K52 000 000000 520000 100000000	00000
02	Pendahuluan Diri atas nama Jawatan Pegawai Pengawal –AP.54	K52 000 000000 520000 200000000	00000
03	Pendahuluan Diri Perbelanjaan Darurat- AP.55	K52 000 000000 520000 300000000	00000
04	Pendahuluan Diri dibawah - AP.59	K52 000 000000 520000 400000000	00000

4.1 Pendahuluan Diri Atas Nama Individu-Kod Subsidiari 10000000

Kod Subsidiari ini digunakan untuk mengakaun pendahuluan diri atas nama individu seperti yang berikut:-

- (i) Pendahuluan Diri untuk bayaran gaji, bayaran balik gaji/elaun terlebih dibayar, Kehilangan Wang Tunai disebabkan kecuaian individu dan Surcaj/Panjar yang belum diselesaikan,

Contoh Kod Subsidiari: K52 000 000000 520000 10000001 11000

atau

- (ii) Pendahuluan Diri untuk Perjalanan Rasmi seperti yang ditetapkan di Peraturan 92, Bahagian 111, dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008,

Contoh Kod Subsidiari: K52 000 000000 520000 10000001 21000

atau

- (iii) Pendahuluan diri atas nama pegawai yang dilantik untuk menganjurkan majlis rasmi seperti keraian , pameran atau EXPO bagi perbelanjaan perkhidmatan yang dibeli atau hospitaliti contohnya perbelanjaan perjalanan , hadiah kepada pegawai-pegawai bersara yang diraikan.

Contoh Kod Subsidiari: K52 000 000000 520000 10000001 29000

4.2 Pendahuluan Diri Atas Nama Jawatan Pegawai Pengawal(AP.54) - Kod Subsidiari 20000000

Kod Subsidiari ini digunakan untuk mengakaun pendahuluan diri yang digunakan oleh jabatan untuk menampung perbelanjaan bagi sesuatu program dan aktiviti atau projek telah dilebihi dan tindakan pindah peruntukan tidak dapat dibuat contohnya gaji kakitangan yang dibayar menggunakan Pendahuluan Diri kerana peruntukan jabatan tidak mencukupi.

Contoh Kod Subsidiari: K52 000 000000 520000 20000001 11000

4.3 Pendahuluan Diri Perbelanjaan Darurat(AP55)- Kod Subsidiari 30000000

Kod Subsidiari Pendahuluan Diri ini digunakan untuk mengakaun Perbelanjaan Darurat seperti Arahan Perbendaharaan AP.55. Kod Subsidiari Pendahuluan Diri ini adalah atas nama Pegawai/individu yang bertanggungjawab melakukan perbelanjaan darurat contohnya kerja kecemasan untuk penyelenggaraan dan pembaikan.

Contoh Kod Subsidiari: K52 000 000000 520000 30000001 28000

4.4 Pendahuluan Diri AP.59- Kod Subsidiari 40000000

Kod Subsidiari Pendahuluan Diri ini digunakan untuk mengakaun perbelanjaan pendahuluan diri dibawah AP.59 iaitu pembayaran bagi barang-barang dan perkhidmatan yang dibekalkan dengan suci hati kepada kerajaan tidak boleh ditahan oleh sebab apa-apa keraguan. Kod Subsidiari Pendahuluan Diri ini dipertanggungjawabkan atas nama pegawai yang berkenaan atau nama jawatan pegawai pengawal.

Contoh Kod Subsidiari:K52 000 520000 40000001 27000

5 TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL

Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk:-

- 5.1 memastikan Pendahuluan Diri yang hendak diakaunkan menggunakan Kod Akaun Subsidiari Pendahuluan Diri(k52) mengikut jenis Pendahuluan Diri yang betul.
- 5.2 memohon kepada Jabatan Bendahari Negeri Sabah Kod Subsidiari Akaun Pendahuluan Diri(k52) mengikut jenis Pendahuluan Diri yang hendak digunakan.
- 5.3 menyelenggara buku daftar Akaun Pendahuluan Diri JBN. 27 yang kemaskini untuk diselaraskan dengan lejar perbendaharaan.
- 5.4 menyediakan penyata penyesuaian Akaun Pendahuluan Diri(K52) setiap bulan dengan memastikan sebarang perbezaan diselaraskan dengan segera.

PEKELILING JABATAN BENDAHARI SABAH BIL.4 TAHUN 2018
BERTARIKH 20 APRIL 2018

- 5.5 menyemak rekod Akaun Pendahuluan Diri(k52) jabatan masing-masing dan kenal pasti jenis pendahuluan diri.
- 5.6 menyediakan baucer jurnal pelarasan untuk menyelaraskan Kod Subsidiari yang betul.

6 TANGGUNGJAWAB JABATAN BENDAHARI NEGERI(JBNS)

Pihak Jabatan Bendahari Negeri bertanggungjawab untuk;-

- 6.1 memindah bagi pihak Jabatan dari Kod Subsidiari Pendahuluan Diri yang lama ke Kod Subsidiari Pendahuluan Diri(K52) yang baharu bagi rekod sedia ada.
- 6.2 menyediakan Kod Subsidiari Akaun Pendahuluan(K52) yang baharu dipohon oleh Jabatan.
- 6.3 memantau rekod Akaun Pendahuluan Diri(K52) Jabatan.
- 6.4 memaklumkan kepada Pegawai Pengawal untuk mengemaskini/menyelaras Kod Subsidiari Akaun Pendahuluan Diri(K52) mengikut jenis yang betul.
- 6.5 memberi tunjuk ajar/panduan penggunaan Kod Subsidiari Akaun Pendahuluan Diri(K52)

7. TARIKH KUATKUASA

- 7.1 Surat pekeliling ini **berkuatkuasa serta merta.**

PEKELILING JABATAN BENDAHARI SABAH BIL.4 TAHUN 2018
BERTARIKH 20 APRIL 2018

7.2 Dengan penguatkuasaan pekeling ini maka pekeling yang dikeluarkan sebelum ini melalui rujukan JBNS: Bil 13 Tahun 2017 bertarikh 02 Oktober 2017 adalah **ditarik balik** dan **dibatalkan**.

8. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berhubung dengan Pekeling ini sila berhubung dengan Seksyen Akaun Amanah, Bahagian Pengurusan Akaun Awan, Jabatan Bendahari Negeri di talian 088-368391/088-368561/088-368568.

Sekian, terima kasih.

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’


(CHUI NGAI NGO)
Bendahari Negeri